



**1. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 6**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal / Kejuruteraan Penyiaran atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Juruteknik Pemeliharaan atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK PEMELIHARAAN:

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera atau Juruteknik Pemeliharaan Kanan dalam pengendalian harian operesen dan pemeliharaan di bahagian berkenaan.
2. Bertanggungjawab mengawas kakitangan di bawahnya.
3. Bertugas secara bersendirian untuk mengawasi, membetulkan dan memelihara kelengkapan-kelengkapan teknikal yang khusus yang mana adalah berbeza dari satu bahagian ke satu bahagian, seperti berikut:
 - Seksyen Perkhidmatan Bangunan / Elektrikal.
 - Seksyen Siaran Luar.
 - Seksyen Pemancaran dan Satelit.
 - Seksyen Radio (Audio).
 - Seksyen Elektronik di Studio-Studio Tv, Rakaman Tv, Bilik Kawalan Siaran Tv dan Sebagainya.
4. Akan diatitkan untuk bertugas di lokasi-lokasi luar secara bergilir-gilir (*Shift*) di luar waktu pejabat atau masa tidak menentu mengikut keperluan perkhidmatan termasuk pada hujung minggu dan hari kelepasan awam.
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengawai atasan dari semasa ke semasa.